



“Berita gembira ini bakal mengubah wajah Bandar Ketengah Jaya yang akan dibangunkan termasuk penyediaan Infrastruktur, pekedaian serta sebaiknya 224 lot rumah kediaman akan dibina membabitkan tiga fasa di atas tanah seluas lapan hektar.

## BANDAR KETENGAH JAYA **BAKAL BERUBAH WAJAH**

Dato' Zaini Matruh

**K**unjungan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah Datuk Seri Shafie Apdal ke daerah Dungun, baru-baru ini menghadirkan berita gembira selepas meluluskan peruntukan sebanyak RM9 juta untuk meningkat taraf Bandar Ketengah Jaya. Berita gembira itu bakal mengubah wajah Bandar Ketengah Jaya yang akan dibangunkan termasuk penyediaan Infrastruktur, pekedaian serta sebanyak 224 lot rumah kediaman akan dibina membabitkan tiga fasa di atas tanah seluas lapan hektar. “Kita akan majukan Bandar ini selain membina rumah dan premis perniagaan termasuk memajukan sektor perdagangan di situ,” katanya ketika hadir pada Majlis Pecah Tanah Projek Pembesaran Bandar Ketengah Jaya. Turut hadir, Ketua Umno Bahagian Dungun, Datuk Wira Rosli Mat Hasan, Ahli Parlimen Dungun, Datuk Matulidi Jusoh, Pengerusi Jawatankuasa Kemudahan Awam dan Infrastruktur Negeri, Datuk Zaaba Mohd Adib dan Pengurus Besar Ketengah, Wan Mat Armin Wan Daud.

Shafie berkata, peruntukan tambahan sebanyak RM12 juta lagi akan disediakan untuk pembangunan di kawasan itu sekiranya ada keperluan untuk tahun hadapan. Sementara itu Shafie berkata, Kementeriannya memperuntukan sebanyak 86.7 juta bagi projek pembangunan di wilayah kemajuan di seluruh negara pada tahun ini. “Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (Ketengah) mendapat RM21.5 juta, Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (Kejora) RM 20.7 juta, Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (Kesedap) RM23.6 juta manakala Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (Keda) RM 20.9 juta,” katanya. Beliau berkata, peruntukan itu bagi penyediaan prasarana yang diperlukan termasuk kediaman untuk penduduk setempat dan kesemua peruntukan itu disalurkan kepada wilayah-wilayah berkenaan tahun ini.” katanya.

# merdeka raya...



*jasamu  
dikenang*

Kakitangan majlis yang bersara pada tahun  
2013

Bersempena dengan hari kemerdekaan dan Hari Raya Aidilfitri, Pihak Majlis Perbandaran Dungun (MPD) telah mengadakan sambutan Merdeka Raya untuk peringkat Daerah Dungun pada 13 September 2012. Majlis telah menjemput semua warga Dungun untuk memeriahkan majlis tersebut. Sambutan daripada masyarakat setempat amat menggalakkan, dianggarkan seramai 10,000 orang tetamu telah hadir ke majlis yang diadakan diperkarangan MPD. Secara tidak langsung majlis ini juga dapat mengeratkan silaturahim diantara pihak Pengurusan MPD dan masyarakat setempat.

Tetamu-tetamu yang hadir telah disajikan dengan pelbagai juadah yang menyelerakan seperti ketupat, rendang, satay, nasi dagang, nasi minyak, kuih-muih dan lain-lain. Selain jamuan makan para tetamu juga dihiburkan dengan dengungan lagu-agu raya dan lagu-lagu patriotik yang dipersembahkan oleh kakitangan MPD. Majlis turut diserikan dengan pembahagian duit-duit raya oleh Tuan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Dungun Tuan Haji Mohd Zulkifli b. Abu Bakar kepada kanak-kanak yang hadir.

Al Fatihah



Amran bin Musz  
Meninggal : 3 Nov 2012

Aatifin bin Hassan

NAMA / NO. K/P	JAWATAN	TARIKH BERSARA	CATITAN
Wan Hamidah bt. Wan Endud No. K/p : 580305-11-5276	Pem.Tadbir (P/O) N22 (KUP)	1 Januari 2013	Bersara Pilihan
Amdan bin Deraman No. K/p : 611103-11-5103	Pekerja Awam R4 (KUP)	1 Mac 2013	Bersara Pilihan
Mohamed b. Man No. K/p : 550719-11-5113	Pem. Tadbir (P/O) N.17(KUP)	19 Julai 2013	Bersara wajib
Mohd Mazuki b. Ali No. K/p : 601223-11-5205	Pembantu Pertanian G 22	1 Ogos 2013	Bersara Pilihan
Mohd Shurawadi b. Muda No. K/p : 570909-11-5163	Pekerja Awam R4 (KUP)	9 September 2013	Bersara wajib
Abdul Wahab b. Othman No. K/p : 571221-11-5223	Pekerja Awam R4 (KUP)	21 Disember 2013	Bersara wajib



## Galeri

01. Majlis pelancaran "National Blue Ocean Strategy"
02. Program gotong-royong bersih pantai Dungun sempena Le Tour de Langkawi
03. Perarakan sambutan Majlis Maulidur Rasul
04. Majlis Rumah Terbuka Hari Raya MPD (Merdeka Raya)
05. Majlis pelancaran "National Blue Ocean Strategy"
06. Majlis Rumah Terbuka Hari Raya MPD (Merdeka Raya)
07. Gotong-royong sempena Majlis pelancaran "National Blue Ocean Strategy"



**Sayangi  Dungun**  
*Dungun membangun*

[mpd.terengganu.gov.my](http://mpd.terengganu.gov.my)

**MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN**

Jalan Yahya Ahmad, 23000 Dungun, Terengganu.

Laman Web : <http://mpd.terengganu.gov.my> • Emel : [mpdungun@terengganu.gov.my](mailto:mpdungun@terengganu.gov.my)

Facebook : [www.facebook.com/mpdungun](https://www.facebook.com/mpdungun) • No. Tel : 09-8481931 / 09-8481932 • No. Fax : 09-8483210